



MAKLUM BALAS MEDIA

'KUCING MATI DI PUSAT REKREASI PANTAI AIR TAWAR DIPERCAYAI TERMAKAN RACUN'

1. Merujuk kepada laporan berita di portal Berita Harian dan di portal Buletin TV3 bertajuk, **"Kucing Mati di Pusat Rekreasi Pantai Air Tawar Dipercayai Termakan Racun"** bertarikh 17 Februari 2026, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu (JPVNT) menegaskan bahawa laporan berkenaan **BUKAN** kenyataan rasmi Jabatan ini. Jabatan juga ingin menerangkan perkara berikut:

2. Status Siasatan dan Punca Kematian

Berhubung perkara ini, pada tarikh laporan berita tersebut disiarkan iaitu 17 Februari 2026, siasatan menyeluruh mengenai punca sebenar kematian beberapa ekor kucing di kawasan Pusat Rekreasi Pantai Air Tawar masih berada di peringkat awal. Justeru, sebarang kesimpulan awal yang dibuat terutamanya dakwaan bahawa kematian tersebut **"DIPERCAYAI TERMAKAN RACUN"** tanpa pengesahan makmal rasmi adalah tidak berasas.

3. Proses Pengesahan Makmal

Prosedur operasi standard (SOP) Jabatan memerlukan pengesahan makmal veterinar dan makmal kimia bagi menentukan punca kematian, khususnya dalam kes yang disyarki melibatkan keracunan mahupun disebabkan penyakit berjangkit.

4. Keputusan Makmal

Pada 23 Februari 2026, siasatan kes kematian kucing yang mencetuskan kebimbangan itu telah mencapai keputusan muktamad. Keputusan makmal

yang dikeluarkan secara rasmi pada tarikh tersebut mengesahkan punca kematian adalah disebabkan jangkitan *Feline Coronavirus (FcoV)*, yang sering membawa kepada keadaan yang lebih teruk dan membawa maut dikenali sebagai *Feline Infectious Peritonitis (FIP)*.

5. Jabatan ini menyarankan agar sebarang rujukan atau semakan dibuat terlebih dahulu kepada jabatan ini untuk memastikan orang awam menerima maklumat yang tepat dan sahih berkaitan kes ini bagi mengelakkan kekeliruan serta salah faham.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI TERENGGANU
2 MAC 2026**